

Fesyen

• Ustazah Amira Bt. Abdullah



Halal vs Haram Dalam Berfesyen

Islam tidak melarang wanita untuk berpenampilan cantik. Islam hanya melarang tabarruj. Cantik tidak semestinya tabarruj, dan tabarruj tidak semestinya cantik.

Tabarruj adalah perbuatan perempuan yang menampakkan keindahan tubuh, pakaian dan perhiasannya di hadapan lelaki asing. Perkara ini diharamkan sebagaimana larangan Allah: "Dan janganlah kamu bertabarruj seperti mana tabarruj jahiliah terdahulu." (Surah al-Ahzab:33)

Adapun menampakkan kecantikan kepada orang yang halal memandangnya iaitu suami, maka perkara tersebut bukan tabarruj. Hukum perbuatan ini bukan hanya harus, bahkan sunat. Seorang isteri boleh bersolek, mendandan rambut, memakai baju yang mendedahkan aurat atau apa-apa sahaja yang selari dengan naluri kewanitaannya selagi ia ditujukan hanya untuk suami.